

**MCA Cadang Tubuh Maktab Teknik  
Bernama  
17 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- MCA bercadang menubuhkan maktab teknik untuk melahirkan lebih ramai pekerja mahir, kata Presidennya Datuk Seri Dr Chua Soi Lek.

Beliau berkata sebuah jawatankuasa yang diketuai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan Vokasional MCA Tan Sri Dr Fong Chan Onn akan menyediakan kertas cadangan mengenainya.

Kertas kerja ini akan disiapkan menjelang akhir bulan ini untuk dibincangkan dan dibuat keputusan tentang tindakan seterusnya yang perlu diambil.

"Jika kita lihat program transformasi ekonomi yang dilancarkan Perdana Menteri untuk tempoh 2010-2020, kita sepatutnya mewujudkan tiga juta pekerjaan dan daripada jumlah ini, 50 peratus memerlukan tenaga profesional dan pekerja mahir.

"Kami mendapati pendidikan dalam bidang teknik menjadi semakin penting dan sekiranya berjuta-juta pekerjaan yang akan diwujudkan itu memerlukan tenaga profesional dan pekerja mahir, maka Malaysia perlu melahirkan modal insan dengan cepat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sesi pertama majlis konvokesyen ke-14 Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di Wisma MCA di sini hari ini.

Chua berkata sebagai parti politik, MCA melaksanakan lebih banyak langkah berbanding parti lain dalam memberi latihan kepada mereka yang berbakat, dengan memberi contoh kejayaan UTAR dan Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) melahirkan lebih 185,000 siswazah setakat ini.

Konvokesyen kali ini meraikan 1,322 pelajar yang tamat pengajian dalam 39 program Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian, lapan program ijazah sarjana dan satu program doktor falsafah (PhD).

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=652912>